

18 MAR 1996

Pertahanan

MENTERI PERTAHANAN SINGAPURA LAWAT MALAYSIA

SINGAPURA, 18 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Singapura Dr Tony Tan akan berada di Malaysia mulai esok bagi lawatan pengenalan selama tiga hari.

Menurut kenyataan Kementerian Pertahanan di sini hari ini, lawatan Dr Tan ke Malaysia adalah atas jemputan Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Syed Hamid Albar.

Ini merupakan lawatan kedua Dr Tan ke Malaysia sejak memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan pada Ogos 1995. Lawatan pertama beliau ialah pada Disember 1995 apabila beliau mengetuai delegasi Singapura ke Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1995.

Esok, Dr Tan akan mengunjungi Syed Hamid di Wisma Pertahanan diikuti oleh mesyuarat kedua Forum Pertahanan Malaysia-Singapura, yang akan dipengerusikan oleh kedua-dua Menteri Pertahanan itu.

Forum Prtahanan Malaysia-Singapura menyediakan dasar garis panduan dan haluan bagi kegiatan pertahanan dua hala dan meneroka peluang baru bagi kerjasama pertahanan.

Forum Pertahanan Malaysia-Singapura pertama diadakan di Singapura pada 16 dan 17 Jan. 1995.

Dr Tan juga dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu ini.

Beliau akan diraikan dalam satu jamuan tengah hari oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 21 Mac sebelum pulang ke Singapura. -- BERNAMA

THG NAK